

24 MAR 1999

KERAJAAN DAN KDN TIDAK TERLIBAT SOAL TINDAKAN TERHADAP PEMFITNAH

KUALA LUMPUR, 24 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak terlibat dalam tindakan yang diambil terhadap pihak yang membuat fitnah dan memburuk-buruk pemimpin negara.

Beliau berkata tindakan terhadap mereka yang terlibat akan dilakukan oleh sebuah jawatankuasa khas Umno yang diwujudkan untuk membuat penelitian terhadap isu-isu berkenaan.

Selepas jawatankuasa menangani kes fitnah pemimpin dan panel peguam Majlis Tertinggi Umno mengenalpasti kes-kes berkenaan, jawatankuasa itu akan melaporkannya kepada pihak polis, katanya kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas ke Makkah di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Jawatankuasa itu dipengerusikan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Ibrahim Ali.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata demikian apabila ditanya adakah kerajaan dan KDN terlibat untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menyebarkan fitnah terhadap pemimpin negara.

Ibrahim yang ditemui berkata jawatankuasa itu telah mengenalpasti dua kes dan laporan polis akan dibuat tidak lama lagi.

Bagaimanapun beliau enggan mendedahkan kes-kes itu.

-- BERNAMA

ARA RON